

FREQUENTLY ASK QUESTION (FAQ) PROGRAM PENAJAAN IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) 2011

1. Bagaimana saya boleh memohon biasiswa JPA di bawah PIDN?

Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) sepenuhnya di laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai 1 Ogos 2011. Permohonan adalah percuma.

Pemohon hendaklah mendaftar kata laluan terlebih dahulu sebelum boleh memohon secara atas talian (*online*).

Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang ada disediakan di portal JPA terlebih dahulu sebelum membuat permohonan.

2. Saya mendapat 9A dalam peperiksaan SPM 2009. Bolehkah saya memohon PIDN 2010?

PIDN 2011 terbuka kepada semua pelajar cemerlang yang telah mendapat tempat di universiti tempatan bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama.

3. Bila dan di mana saya boleh melihat iklan PIDN?

Iklan PIDN 2011 disiarkan di akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia, *The New Straits Times*, *Tamil Nesan*, *Nanyang Siang Pau*, *The Borneo Post Sarawak* dan *The Borneo Post Sabah* serta di laman web iaitu pada 30 – 31 Julai 2011 (hari Sabtu dan Ahad) dan 1 & 6 Ogos 2011 (hari Isnin dan Sabtu)

4. Bila saya boleh memohon PIDN dan bilakah permohonan ini akan ditutup?

Permohonan akan dibuka mulai 1 Ogos 2011 dan tarikh tutup permohonan adalah pada 7 Ogos 2011 (Ahad). Permohonan akan dibuka secara atas talian (*online*) sahaja iaitu melalui laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my>.

5. Apakah syarat-syarat permohonan (siapa yang layak memohon)?

Syarat-syarat asas permohonan

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Umur tidak melebihi 25 tahun pada atau sebelum 1 Januari 2011;
- (iii) Memiliki Sijil Penuh bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melayakkan lantikan ke perkhidmatan awam termasuk kepujian dalam Bahasa Melayu dan Ujian Lisan pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (iv) telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama (1) pengajian:
 - (a) peringkat ijazah pertama (bagi kemasukan November/ Disember Sesi 2010/ 2011 atau Semester I Sesi 2011/ 2012) dari mana-mana IPT (kecuali UPSI), UNITEN, MMU atau UTP atau sedang mengikuti pengajian di tahun kedua (2) dan ke atas; dan
 - (b) peringkat diploma (bagi kemasukan November/ Disember Sesi 2010/ 2011 atau Semester I Sesi 2011/ 2012) dari mana-mana IPTA (kecuali UPSI).

Syarat akademik

Syarat ini boleh dilihat di laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai 30 Julai 2011.

6. Apakah bidang-bidang yang ditaja di bawah PIDN 2011?

Terdapat pelbagai bidang pengajian yang ditaja di bawah PIDN 2011 seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Sains Perubatan Veterinar, Sains Tulen, Sains Perhutanan, Sains Kesihatan Bersekutu, Sains Pengurusan Alam Sekitar, Sains Pertanian, Bioteknologi, Teknologi Maklumat, Sains dan Teknologi, Undang-undang, Senibina, Sains Aktuari, Ukur Bahan, Ukur Tanah, Kejuruteraan Perancangan Bandar dan Wilayah, Perakaunan, Hubungan Antarabangsa, Pengajian Islam, Sains Politik dan Ekonomi.

Maklumat lanjut mengenai program tajaan PIDN 2011 boleh dilihat di laman sesawang <http://esilav2.ipa.gov.my>.

7. Saya sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan, bagaimanakah saya boleh memohon?

Pelajar dalam bidang perubatan yang telah mendapat tempat di IPTA akan ditaja secara automatik, di mana senarai pelajar tersebut diperolehi melalui Unit Pengajian Universiti (UPU) dan pelajar tidak perlu memohon secara atas talian (*online*).

8. Apakah kriteria pemilihan calon-calon PIDN 2011?

Prestasi akademik dan sosio-ekonomi keluarga. Penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum telah diambil kira oleh Kementerian Pengajian Tinggi semasa pemilihan kemasukan pelajar ke IPT.

Markah pencapaian akademik adalah berdasarkan keputusan SPM, STPM, Matrikulasi/ Asasi, Pra-Universiti/ *Foundation/ Alpha/ A-Level/* IB dan Diploma yang diguna pakai semasa calon memohon memasuki IPT serta sekurang-

kurangnya memperoleh kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

9. **Saya mendapat biasiswa JPA, tetapi saya tidak mempunyai akaun Bank Islam. Adakah saya perlu membuka akaun sendiri atau pihak JPA akan membantu untuk membuka akaun bagi membolehkan saya mendapat biasiswa JPA?**

Pelajar yang mendapat biasiswa tajaan JPA secara automatik akan mendapat nombor akaun Bank Islam yang baru. Jadi pelajar tidak perlu membuka akaun Bank Islam sendiri.

10. **Saya telah menerima tawaran biasiswa JPA, tetapi pada masa yang sama telah mendapat pinjaman PTPTN, apakah yang perlu saya buat?**

Jika pelajar memilih untuk menerima tawaran biasiswa JPA, pelajar perlu menamatkan kemudahan pinjaman PTPTN. JPA tidak akan menaja pelajar yang sedang di taja oleh penaja-penaja lain.

11. **Saya merupakan pelajar tajaan JPA dan telah berpindah rumah, bagaimanakah prosedur untuk pertukaran alamat surat-menyurat?**

Untuk pertukaran alamat, pelajar dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak JPA secara bertulis ataupun faks (nombor faks: 03 – 8881 0745) ke Unit Latihan Sebelum Perkhidmatan Dalam Negara untuk memudahkan urusan surat-menyurat selepas ini.

- 12. Saya merupakan pelajar tajaan JPA dan sedang belajar di UPM, adakah pihak JPA membenarkan saya menukar universiti tanpa membatalkan biasiswa saya?**

Pihak JPA tidak membenarkan pelajar tajaannya membuat pertukaran universiti tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak JPA terlebih dahulu.

- 13. Bolehkah saya bertukar kursus atau bidang selepas mengikuti pengajian dan menerima biasiswa JPA?**

Tiada sebarang pertukaran kursus dibenarkan melainkan atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah. Sebarang permohonan pertukaran kursus akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa dan sekiranya mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut, maka penajaan ke atas pelajar akan diteruskan untuk kursus yang baru. Namun, jika sebaliknya, penajaan ke atas pelajar mungkin akan ditamatkan.

Sekiranya pelajar tajaan ingin bertukar kursus, sila kemukakan surat rasmi kepada Jabatan ini memaklumkan sebab-sebab ingin bertukar kursus.

- 14. Bolehkah saya bertukar penaja sekiranya saya ditawarkan oleh penaja lain setelah saya menerima biasiswa JPA?**

Pelajar tajaan JPA tidak dibenarkan sama sekali menerima tajaan lebih daripada satu penaja. Jika pelajar ingin menukar penaja lain, sila kemukakan surat rasmi ke Jabatan ini.

15. Apakah nombor yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?

Pertanyaan mengenai masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853453, 03-88853541 atau 03-88853532 manakala pertanyaan mengenai program tajaan boleh dibuat dengan menghubungi talian *hotline* 03-88853049 (10 talian) atau melalui e-mel di alamat pidn2011@jpa.gov.my.

16. Saya telah mendapat tajaan JPA semasa di peringkat Diploma dan ingin menyambung ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Adakah saya perlu memohon semula untuk mendapatkan biasiswa di peringkat Ijazah Sarjana Muda?

Ya. Pelajar perlu memohon semula biasiswa JPA untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda walaupun telah mendapat biasiswa JPA semasa di peringkat Diploma.

17. Saya merupakan pelajar dalam bidang kejururawatan. Adakah saya layak untuk memohon biasiswa JPA di bawah PIDN?

Untuk makluman, Jabatan ini tidak menawarkan biasiswa bagi pelajar-pelajar Diploma Kejururawatan atau Separa Perubatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

18. Adakah pelajar dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selepas tamat tempoh pengajian?

Pelajar dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan untuk suatu tempoh yang dipersetujui berdasarkan perjanjian. Keengganan pelajar untuk berkhidmat dengan Kerajaan boleh dikenakan tuntutan ganti rugi mengikut jumlah yang ditetapkan dalam perjanjian.

19. Berapa tahun saya perlu berkhidmat dengan Kerajaan setelah tamat dengan jayanya?

Tempoh berkhidmat dengan Kerajaan adalah bergantung kepada kursus yang diikuti. Contoh:

i)	Perubatan/ Pergigian	-	10 tahun
ii)	Farmasi/ Veterinar	-	6 tahun
iii)	Kejuruteraan/ Teknologi	-	6 tahun
iv)	Perakaunan/ Undang-undang	-	6 tahun
v)	Pengurusan/ Sastera	-	4 tahun
vi)	Biologi/ Kimia/ Matematik	-	4 tahun

20. Saya merupakan pelajar tahun ke-3 bidang perubatan. Adakah tempoh berkhidmat dengan Kerajaan masih kekal 10 tahun?

Ya. Tempoh berkhidmat adalah sama seperti pelajar yang ditaja dari tahun pertama pengajian.

21. Saya merupakan pelajar lepasan Diploma dan ditawarkan untuk terus berada di Tahun 2 pengajian (*credit transfer*) peringkat Ijazah Pertama. Apakah yang perlu saya lakukan?

Isi di ruangan maklumat akademik, sila pilih peringkat Ijazah bagi peringkat pengajian sekarang. Seterusnya, pastikan pelajar memilih *Alpha/ Foundation/ Diploma/ credit transfer* di ruangan kelayakan masuk.

22. **Kursus yang saya ikuti sekarang tiada di dalam senarai pilihan kursus. Apakah yang perlu saya isikan di dalam pilihan tersebut?**

Sila pilih kursus yang terhampir dengan kursus yang diikuti. Contoh: Sekiranya pelajar mengikuti kursus Kejuruteraan Perisian Komputer sila pilih Kejuruteraan Komputer.

23. **Saya adalah pelajar Tahun Kedua di peringkat Ijazah Pertama, layakkah saya memohon dan bagaimanakah caranya?**

Layak. Permohonan adalah secara atas talian (*online*) di laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my>. Pelajar perlu memilih peringkat pengajian yang sedang diikuti sekarang dalam borang permohonan atas talian (*online*). Pilih syarat kemasukan asal untuk ke peringkat Ijazah Pertama sama ada SPM/ STAM/ STPM/ Matrikulasi/ Asasi/ *Foundation/ Alpha/ A-Level/ IB* atau Diploma. Pelajar hendaklah menyatakan CGPA yang diperoleh semasa semester kedua atau semester ketiga bergantung kepada semester terkini pelajar.

24. **Saya dijaga oleh keluarga angkat/ adik beradik semenjak dari kecil/ semenjak ibu bapa meninggal dunia. Bagaimana cara bagi mengisi borang Butiran Ibu Bapa/ Penjaga?**

Di ruangan butiran Ibu Bapa/ Penjaga iaitu **Nama Bapa**, **Keturunan Bapa**, **Kewarganegaraan Bapa**, **Taraf Bapa**, **Pendapatan Bapa**, **Pekerjaan Bapa**, **No. Cukai Pendapatan**, **No. Pencen** sila isikan maklumat keluarga angkat/ adik beradik. Bagi ruang **Status Bapa**, sila isikan status bapa kandung sama ada Tiada Maklumat, Bercerai, Masih Hidup atau Meninggal Dunia. Bagi ruang **Hubungan Dengan Pemohon** pula, sila isikan sama ada keluarga angkat, kakak atau abang.

- 25. Bapa saya adalah seorang pesara Kerajaan? Apakah yang saya perlu isi di ruang pendapatan bapa?**

Bagi pesara Kerajaan, sila isikan jumlah pencen yang diterima bagi setiap bulan di ruangan tersebut.

- 26. Apakah perlu saya isi di ruangan adik beradik pada maklumat keluarga?**

Pelajar hendaklah mengisikan maklumat nombor kad pengenalan, nama penuh dan umur adik beradik yang berumur 18 tahun dan ke atas dan pernah atau sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada di dalam atau di luar negara.

- 27. Bagaimana saya boleh mengetahui sama ada saya berjaya mendapat tawaran JPA di bawah PIDN 2011? Adakah JPA akan mengeluarkan surat tawaran?**

Keputusan akan dikeluarkan pada 23 September 2011 (Jumaat) di laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my>. Bagi calon yang berjaya, pihak JPA akan mengeluarkan surat tawaran biasiswa serta buku perjanjian.